

09 MAY 2001

Belia

SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA LIBATKAN BELIA LUAR NEGARA

IPOH, 9 Mei (Bernama) -- Sambutan Hari Belia negara tahun ini akan diadakan selama seminggu berbanding hanya sehari pada tahun-tahun yang lepas dan bakal menyaksikan penglibatan belia-belia dari luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan Negeri Perak Datuk Jamal Nasir Rasdi berkata ini pertama kali Perak menjadi tuan rumah bagi acara tahunan ini yang diadakan setiap 15 Mei dan program sambutan akan bermula esok.

Kemuncak sambutan ialah pada Selasa, 15 Mei yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Perak.

"Program pertama ialah Festival Belia Antarabangsa Malaysia (MIYF) di Taman Rekreasi Gunung Lang," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata MIYF bakal disertai 300 orang belia dengan 150 belia dari 26 negara luar.

"Saya berharap program ini akan dapat mengikis pandangan negatif negara luar terhadap Malaysia melalui golongan belia yang diberikan gambaran sebenar keadaan di sini," katanya.

Katanya MIYF yang akan dirasmikan Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah Jumaat ini.

Ia merangkumi Forum Belia Antarabangsa, lawatan ke rumah-rumah kebajikan, Pesta Makanan Malaysia, Malam Kebudayaan Antarabangsa, Pameran Penerangan Pertubuhan Belia dan Ekspo Perdagangan Belia yang bermula Sabtu ini hingga Selasa di Stadium Indera Mulia Ipoh.

"Pameran dan ekspo ini juga akan mengadakan promosi untuk Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur September ini disamping pertunjukan acara sukan lasak seperti Skate Board, Roller Blade, Wall Climbing dan Go-Kart.

"Larian Belia akan diadakan pada Ahad serentak dengan Larian Obor Sukan SEA," kata Jamal Nasir.

Turut diadakan ialah Khemah Kerja Sukarelawan dari Ahad hingga Rabu di Kem Wajati Ulu Chepor dan akan dirasmikan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein pada Selasa.

Konvensyen Hari Belia Negara pula akan diadakan selama tiga hari bermula Ahad di Hotel Casuarina Park Royal, Ipoh dan dijadual dirasmikan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali pada Selasa.

Jamal Nasir berkata lapan anugerah belia akan disampaikan pada acara kemuncak yang dirasmikan Dr Mahathir itu, pada 15 Mei malam, yang dijangka dihadiri 30,000 belia.

Anugerah-anugerah itu ialah Persatuan Belia Terbaik, Kepimpinan Belia, Kesukarelawan dan Kemasyarakatan, Kemahiran, Keusahawan, Anugerah Tokoh Belia Lelaki dan Wanita serta anugerah Daya Juang.

"Majlis turut diserikan dengan penampilan artis-artis yang menjadi idola belia iaitu kumpulan Raihan dan Siti Nurhaliza di samping pertunjukan bunga api," katanya.

Beliau berkata mana-mana belia yang berminat untuk ikut serta dalam program sambutan Hari Belia Negara boleh menghubungi Urusetia Program di talian 05-5499720.

-- BERNAMA

KAY RON